

## **PERBANDINGAN TAHAP PERSEPSI PELAJAR TAHFIZ BESTARI TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA ARAB**

**Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi**

Kolej Universiti Islam Melaka, 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka

**Nur Afifah Fadzil**

Kolej Universiti Islam Perlis, 02000, Kuala Perlis, Perlis

**Ahmad Nurilakmal Norbit**

Kolej Universiti Islam Melaka, 78200, Kuala Sungai Baru, Melaka

*Corresponding Author's Email: nurafifahfadzil@kuips.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia semakin berkembang dan dipelajari oleh setiap aliran dan lapisan masyarakat. Bagi setiap muslim, bahasa Arab merupakan bahasa bagi agama Islam dan diaplikasikan dalam ibadah-ibadah seharian. Pelajar tahfiz merupakan pelajar yang sentiasa mengulangi bacaan dan hafalan al-Quran. Justeru, mempelajari dan memahami bahasa Arab dapat memberikan nilai tambah yang bermakna buat pelajar tahfiz. Kajian ini menentengahkan tahap persepsi pelajar sebelum dan selepas mereka mempelajari bahasa Arab. Latar belakang pendidikan bahasa Arab bagi para pelajar adalah mereka tidak pernah mempelajari bahasa Arab dengan mengikut kurikulum Sijil Pelajaran Malaysia secara khusus. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang dijalankan terhadap 81 orang pelajar Tahfiz Bestari Kolej Universiti Islam Melaka. Analisis Ujian-t sampel berpasangan digunakan bagi mendapatkan data kajian. Dapatan data menunjukkan tahap persepsi pelajar sebelum mempelajari bahasa Arab berada pada tahap sederhana ( $M=3.29$ ,  $SP=0.233$ ). Manakala, tahap persepsi selepas mereka mempelajari bahasa Arab berada pada tahap tinggi ( $M=3.90$ ,  $SP=0.510$ ). Perbandingan kedua-dua tahap persepsi menunjukkan nilai signifikan 0.000 iaitu lebih kecil daripada 0.05 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan nilai yang signifikan antara persepsi sebelum dan persepsi selepas mempelajari bahasa Arab. Nilai min persepsi selepas mempelajari bahasa Arab menunjukkan bahawa persepsi pelajar mengalami perubahan kearah yang lebih positif. Dapatan ini boleh digeneralisasikan sebagai maklumat awal sebelum sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran khususnya bahasa Arab dijalankan. Ia dapat membantu tenaga pengajar dalam menentukan kaedah, pendekatan, bahan

pengajaran dan teknik yang berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya untuk pelajar tahfiz.

**Kata Kunci:** Pelajar Tahfiz Bestari, Pembelajaran, Bahasa Arab

## ***COMPARISON OF PERCEPTION LEVELS OF TAHFIZ BESTARI STUDENTS ON ARABIC LANGUAGE LEARNING***

### **ABSTRACT**

The teaching and learning of Arabic in Malaysia is growing and being learned by all streams and walks of life. For every Muslim, Arabic is the language of Islam and is applied in daily worship. Tahfiz students are students who constantly repeat the recitation and memorization of the Quran. Thus, learning and understanding the Arabic language can provide meaningful added value for tahfiz students. This study highlights the level of students' perceptions before and after they learn Arabic. The background of Arabic language education for students is that they have never learned Arabic by following the Sijil Pelajaran Malaysia curriculum specifically. This study is a quantitative study using a survey study design conducted on 81 students of Smart Tahfiz, Kolej Universiti Islam Melaka. Paired sample t-test analysis was used to obtain the study data. The data showed that the level of students' perception before learning Arabic was at a moderate level ( $M = 3.29$ ,  $SP = 0.233$ ). Meanwhile, the level of perception after they learned Arabic was at a high level ( $M = 3.90$ ,  $SP = 0.510$ ). A comparison of the two levels of perception showed a significant value of 0.000 which is smaller than 0.05 indicating that there is a significant difference in value between perception before and perception after learning Arabic. The mean value of perception after learning Arabic indicates that students' perception changes towards a more positive. These findings can be generalized as preliminary information before a teaching and learning process, especially Arabic is carried out. It can help educators in determining effective methods, approaches, teaching materials and techniques to be used in the process of teaching and learning Arabic, especially for tahfiz students.

**Keywords:** *Smart Tahfiz Students, Learning, Arabic*

### **PENGENALAN**

Menurut Idris (2015) status bahasa Ara yang tinggi oleh masyarakat Malaysia dan kerajaan adalah disebabkan faktor agama Islam yang menjadi agama rasmi negara sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Selain itu, buku berbahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan jawi sejak lebih 1000 tahun yang dikenali sebagai kitab kuning (Hashim & Halimah, 2012).

Status bahasa Arab yang tinggi oleh masyarakat Malaysia dan kerajaan adalah disebabkan faktor agama Islam yang menjadi agama rasmi negara sejak Malaysia mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 (Idris 2005). Selain itu, buku berbahasa Arab telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dengan tulisan Jawi sejak lebih 1000 tahun yang dikenali sebagai kitab kuning (Hashim & Halimah 2012). Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa ibadah turut mempengaruhi proses pembelajaran golongan Muslim yang mempelajari bahasa Arab dalam persekitaran amalan berkaitan agama Islam dipraktikkan secara berterusan (Kamarul Shukri et al. 2012). Di Malaysia, pembelajaran bahasa Arab turut mendapat tempat dalam institusi tahfiz. Pelajar tahfiz merupakan pelajar yang paling hampir dengan al-Quran kerana mereka merupakan individu yang sering mengulang-ulang bacaan dan hafalan. Kefahaman untuk memahami al-Quran mempunyai hubungan yang amat erat dengan bahasa Arab. Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat Huffaz yang tidak menguasai bahasa Arab disebabkan institusi tersebut hanya menekankan dan menumpukan aspek hafalan semata-mata (Nur Afifah et al. 2020). Kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafal, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu (tarannum). Namun aspek kefahaman makna dan tatabahasa Arab tidak dititik beratkan dalam pembelajaran tahfiz. Aspek kefahaman ini sudah tentu berkait rapat dengan penguasaan bahasa Arab dan kefahaman al-Quran (Mahyuddin Ashaari 2001).

Institusi tahfiz merupakan sebuah institusi pendidikan yang telah lama bertapak di Malaysia. Pengajian tahfiz mula diperkenalkan sejak zaman prakolonial dan mula diinstitusikan selepas Malaysia yang pada ketika itu dikenali dengan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan (Solahuddin, 2016). Pembelajaran tahfiz juga mengalami perubahan sepertimana pembelajaran bahasa Arab. Ia bermula dengan sistem pendidikan tidak formal iaitu diajar di pondok-pondok dan masjid-masjid kemudian mengalami perubahan yang positif hasil usaha secara berterusan oleh semua pihak. Menurut Surtahman (2009) sebagaimana yang termaktub di dalam penulisan Rawi et al. (2015), pada awalnya pondok dibangunkan sebagai suatu tempat ritualisasi, akan tetapi pengemblengan untuk memartabatkan pendidikan Al-Quran mula dilakukan secara intensif di pondok-pondok yang mempunyai rumah ibadat atau masjid pada waktu malam dengan dihadiri oleh ramai orang. Sehingga sekarang pondok akan terus dianggap sebagai suatu tempat pengajian yang didirikan atas pengorbanan para ulama, pendakwah dan masyarakat sekeliling.

Penambahbaikan pengajian tahfiz secara formal, tersusun dan sistematik ini bermula selepas al-Marhum Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra menyarankan agar institusi ini diperkasakan. Saranan ini tercetus dari penganjuran Ujian Tilawah al-Quran Kebangsaan pada tahun 1960M (Noor Hisham et al; Murihah et al. 2015). Sistem pendidikan tahfiz mempunyai banyak pilihan dan bentuk. Sebahagian daripada pihak pengurusan tahfiz hanya memberikan fokus sepenuhnya terhadap aspek hafazan Al-Quran (Jamaluddin, 2010; Ariffin, 2012). Terdapat juga pengurusan yang memberi penumpuan kepada beberapa jenis aspek mengikut manhaj dan metode yang berpelbagaian selain daripada menumpukan hafalan Al-Quran seperti pengajian akademik yang ditawarkan

oleh sekolah aliran umum, pengajian kitab kuning (turath) dalam bahasa Arab atau jawi lama, pengajian aliran sains, pengajian berkenaan kemahiran-kemahiran tertentu (teknikal atau vokasional) dan lain-lain lagi (Abdul Manaf, et al., 2015; Talib, et al., 2017). Kaedah yang bervariasi ini diandaikan mempunyai implikasi, tujuan dan penanda aras yang berbeza antara pelbagai pihak yang terlibat.

Dasar Pendidikan Tahfiz Negara yang menjadikan empat modul kurikulum sebagai landasan iaitu Tahfiz Turath, Tahfiz Sains, Tahfiz Dini dan Tahfiz Kemahiran telah diperkenalkan (Ahmad Muaz & Norazmi 2020). Ia merupakan satu usaha bagi memastikan kelangsungan institusi tahfiz. Perkara paling asas bagi merealisasikan hasrat ini adalah memastikan semua pelajar aliran tahfiz mempunyai kelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Hal ini demikian kerana, sijil ini amat penting untuk melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. SPM merupakan prasyarat yang telah ditetapkan oleh kerajaan Malaysia untuk menyambung pengajian di peringkat diploma atau ijazah sarjana muda.

Pendidikan tahfiz di Malaysia juga mengalami perubahan yang positif. Program Ulul Albab yang mengintegrasikan antara pembelajaran akademik dan hafalan al-Quran semakin mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia. Pelaksanaan program pendidikan Ulul Albab hasil cetusan idea Y.B Dato' Seri Idris Jusoh pada 31 Mei 1996 merupakan satu transformasi pendidikan. Tiga elemen yang ditekankan dalam program ini ialah quranik, ijthadik dan ensiklopedik. Program Ulul Albab mula diperkenalkan dalam sistem pendidikan melalui penubuhan Sekolah Menengah Imtiaz, Terengganu. Keberkesanan program ini telah menarik minat pelbagai agensi seperti Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, MARA dan Kementerian Pendidikan Malaysia. Justeru, ia telah dilaksanakan lebih kurang 20 tahun di Sekolah Menengah Imtiaz, 10 tahun di MRSM dan Tahfiz Model Ulul Albab yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia selama 6 tahun.

Di Melaka, program Tahfiz Bestari di bawah kelolaan Pusat Islam As-Syafie Kolej Universiti Islam Melaka telah diwujudkan. Program ini telah mendapat kelulusan penubuhannya pada 13 Oktober 2015. Ia merupakan program Kursus Jangka Pendek yang dilaksanakan dalam tempoh sepuluh bulan bagi memberikan peluang kepada pelajar-pelajar tahfiz seluruh Malaysia untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Pelajar yang menyertai program Tahfiz Bestari akan diberi pendedahan terhadap tujuh mata pelajaran yang didaftarkan untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia disamping mereka perlu menghabiskan hafalan 30 juzuk al-Quran.

Pelajar yang berjaya menamatkan program Tahfiz Bestari dan memperolehi sekurang-kurangnya tiga (3) kredit berpeluang untuk mengikuti mana-mana kursus tahun asas sebagai persediaan mengikuti Program Diploma yang ditawarkan oleh IPTA/IPTS. Kursus ini memberi penekanan kepada tujuh matapelajaran bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik, Sains, Bahasa Inggeris, Pendidikan Islam dan Bahasa Arab. Syarat kelayakan bagi memohon kursus ini adalah minimum umur 17 tahun Ke Atas, minimum hafazan al-Quran 10 juzuk dan mempunyai Kemahiran 5M

(Membaca, Menulis, Mengira, Menghafal & Memikir). Antara objektif utama program ini ialah:

1. Memberi peluang yang lebih jelas dan terjamin kepada pelajar untuk menyambung pengajian dan tamat dengan memperolehi pendidikan akademik atau kemahiran.
2. Menyediakan program pengajian pelbagai bidang yang berkualiti dan inovatif kepada pelajar.
3. Mewujudkan dan meningkatkan kebolehpasaran dan kebolehdapatan kerja pelajar melalui jaringan pengajian tinggi dan industri yang berdaya saing.

Antara institusi lain yang menawarkan program sebegini ialah Smart Tahfiz Masjid Universiti Selangor (UNISEL). Institusi ini menawarkan program baharu untuk pelajar-pelajar tahfiz dan pondok di seluruh Malaysia bagi menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Mereka akan belajar dan menduduki peperiksaan SPM di Smart Tahfiz Masjid UNISEL disamping meneruskan program hafazan. Smart Tahfiz Masjid UNISEL adalah sebuah institusi yang ditubuhkan oleh Masjid UNISEL bagi melaksanakan program Fast Track SPM pelajar-pelajar tahfiz lepasan institusi tahfiz seluruh negara yang tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Smart Tahfiz Masjid UNISEL telah didaftarkan sebagai insituti pendidikan swasta di Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Pada tahun 2021 Smart Tahfiz masjid Universiti Selangor (UNISEL) mengadakan program baharu untuk pelajar-pelajar tahfiz dan pondok di seluruh Malaysia bagi menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Program yang dijalankan mempunyai dua pilihan mod pembelajaran iaitu secara bersemuka dalam kelas dan secara atas talian. Program yang ditawarkan ialah program pra asasi dan program E-Fast Track. Program E-Fast Track adalah pembelajaran secara atas talian selama 10 bulan berdasarkan modul yang dirangka mengikut KSSM terbaru dan hanya tertumpu kepada subjek teras SPM. Para pelajar akan dibimbing oleh penanda dan penggubal soalan SPM semasa kem pecutan SPM.

Jika diamati, kedua-dua program iaitu Tahfiz Bestari dan Smart Tahfiz mempunyai hala tuju yang sama iaitu memberi peluang kepada pelajar tahfiz untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Tempoh pelaksanaan juga mengambil masa hanya sepuluh bulan sahaja dan para pelajar yang memohon sekurang-kurangnya telah menghafal minimum 10 juzuk al-Quran.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Bahasa Arab seringkali dikaitkan dengan salah satu mata pelajaran yang sukar, membosankan dan pelbagai andaian negatif lain bagi segelintir pelajar. Salah satu puncanya ialah ia bukan bahasa komunikasi harian dan para pelajar hanya mempelajari dan memberi penumpuan untuk lulus peperiksaan semata-mata. Selain itu bahasa Arab mempunyai uslub-uslub yang tidak mungkin dapat difahami jika seseorang itu tidak mempelajari dan menguasainya dengan mendalam. Namun tidak dapat dinafikan bahawa terdapat golongan pelajar yang benar-benar mempelajari dan menguasai bahasa Arab sehingga menyambung

pengajian dalam pengkhususan bahasa Arab ke peringkat yang lebih tinggi dan diiktiraf sebagai pakar bahasa. Menurut Azman dan Goh (2010), secara umumnya tujuan pembelajaran bahasa Arab oleh para pelajar di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pertama bermatlamat agama (Kamarul Shukri et al. 2009; Zainur Rijal & Rosni 2007) dan kedua bermatlamat komunikasi (Ab. Halim 2005; Hassan Basri & Mohd Azhar 2004). Sekiranya melibatkan pelajar bahasa Arab yang beragama Islam, kaitan faktor agama sememangnya tidak dapat dipisahkan sebagai antara perkara yang menyebabkan mereka lebih berminat untuk mempelajari bahasa Arab.

Setiap individu semakin menyedari bahawa bahasa Arab merupakan sebuah bahasa yang perlu dipelajari kerana ia merupakan bahasa agama Islam dan digunakan dalam bacaan ibadah seharian. Kedudukan bahasa Arab sebagai Bahasa al-Quran, hadith dan kitab-kitab agama Islam menyebabkan masyarakat Melayu berusaha memahami segala ajaran Islam yang dibawa oleh pedagang dan pendakwah Islam (Zainur Rijal & Rosni 2007). Kelas-kelas bahasa Arab secara peribadi juga semakin mendapat sambutan. Jika diperhatikan banyak media sosial yang memaparkan halaman-halaman kumpulan bahasa Arab seperti “Bahasa Arab, Bahasa Al-Quran”, “Nota Bahasa Arab”, “Jom Bertutur Bahasa Arab” dan pelbagai kelas bahasa Arab yang dianjurkan untuk setiap lapisan masyarakat.

Memandangkan bahasa Arab bukanlah bahasa yang dituturkan dalam kehidupan seharian, pasti setiap individu mempunyai tanggapan dan persepsi tersendiri. Perkara ini tidak juga terkecuali untuk golongan pelajar tahfiz. Setiap pelajar pasti mempunyai tanggapan dan persepsi tersendiri sebelum mempelajari bahasa Arab. Persepsi ialah gambaran atau bayangan tentang sesuatu perkara sama ada di dalam hati atau fikiran. Ia juga boleh didefinisikan sebagai tanggapan atau pandangan menerusi pancaindera (Kamus Dewan 2016). Persepsi negatif harus diubah agar menjadi lebih positif. Hal ini perlu diketahui bagi membantu para pengajar dalam mencari kaedah pengajaran dan pendekatan yang sesuai bagi melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Persepsi individu boleh berubah mengikut situasi dan pendekatan yang digunakan.

Kebanyakan kurikulum tahfiz di Malaysia hanya mengutamakan aspek kemahiran membaca, menghafaz, mengenal hukum-hukum bacaan dan lagu atau tarannum. Namun aspek kefahaman dan penjanaan berfikir dengan ayat-ayat yang dipelajari tidak dipentingkan (Mahyuddin Ashaari, 2001). Sekiranya kaedah kefahaman ayat tidak diberi perhatian sewajarnya, matlamat dan objektif pendidikan tahfiz tidak akan tercapai (Azmil Hashim et al. 2014). Kajian berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi giat dijalankan oleh para penyelidik. Namun jika diperhatikan, kajian terhadap golongan tahfiz masih kurang dijalankan. Hal ini kerana, hanya terdapat beberapa institusi pengajian tinggi yang menawarkan kos Qiraat dan Tahfiz. Pelajar yang mengambil kos ini perlu mengambil subjek bahasa Arab sebagai subjek wajib di universiti. Kemahiran bahasa Arab dan nahu sorf dalam kalangan pelajar Tahfiz masih berada pada tahap sederhana (Adnan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf 2014; Ku Fatahiyah et al. 2017).

Walaupun bagaimanapun, pengkaji berpandangan, sebelum menentukan kaedah, teknik, bahan pengajaran dan pendekatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, tenaga pengajar seharusnya mengenal pasti persepsi dan tanggapan pelajar terhadap bahasa Arab. Hal ini kerana, persepsi merupakan gambaran awal yang ada dalam diri para pelajar sebelum mereka berada dalam proses pengajaran dan pembelajaran tersebut. Justeru, kajian yang dijalankan ini adalah penting bagi menentukan dan membandingkan tahap persepsi pelajar sebelum dan selepas mempelajari bahasa Arab agar ia dapat digeneralisasi dan dijadikan panduan kepada tenaga pengajar khususnya yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab untuk pelajar tahfiz.

Pelajar Tahfiz Bestari merupakan pelajar yang sekurang-kurangnya telah menghafal 10 juzuk al-Quran. Kursus Tahfiz Bestari merupakan kursus jangka pendek yang ditawarkan bagi memberi peluang kepada para pelajar ini membuat persediaan dalam tempoh 10 bulan bagi menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Bahasa Arab merupakan antara mata pelajaran yang akan dipelajari oleh mereka. Sudah pasti para pelajar ini mempunyai tanggapan dan persepsi tersendiri terhadap pembelajaran bahasa Arab disebabkan majoriti daripada mereka tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum menyertai kursus ini. Oleh itu, kertas kerja ini akan memaparkan dapatan bagi tahap persepsi sebelum dan selepas pelajar mempelajari bahasa Arab serta perbandingan antara kedua-dua persepsi tersebut seterusnya dapat memberi gambaran kepada tenaga pengajar dalam menentukan pendekatan yang sesuai dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan reka bentuk kajian tinjauan yang melibatkan 81 orang pelajar Tahfiz Bestari Kolej Universiti Islam Melaka. Kaedah tinjauan mampu mengukur pendapat, sikap, kepercayaan, nilai dan tingkah laku serta dapat digeneralisasikan dari sampel kepada populasi (Creswell, 2005). Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi iaitu 0.932. Instrumen soal selidik lima mata digunakan bagi mendapatkan data berkaitan persepsi sebelum dan selepas pelajar mempelajari bahasa Arab. Manakala Ujian-t sampel berpasangan digunakan bagi menganalisis data perbezaan bagi kedua-dua persepsi.

## **DAPATAN DAN PERBINCANGAN**

Dapatan dan perbincangan bagi artikel ini dibahagikan kepada tiga aspek iaitu tahap persepsi sebelum mempelajari bahasa Arab, tahap persepsi selepas mempelajari bahasa Arab dan perbandingan persepsi sebelum dan selepas mempelajari bahasa Arab.

### Tahap Persepsi Sebelum Mempelajari Bahasa Arab

Persepsi sebelum mempelajari bahasa Arab dalam kajian ini merujuk kepada persepsi sebelum pelajar mempelajari bahasa Arab program Tahfiz Bestari. Jadual 1 memaparkan dapatan kajian yang menunjukkan 92.6 peratus atau 75 orang responden merasakan mereka mempunyai persepsi yang sederhana positif terhadap bahasa Arab. Sementara hanya 6 orang responden merasakan tahap persepsi “sebelum” yang tinggi dan tiada seorang pun yang merasakan persepsi yang rendah terhadap bahasa Arab walaupun sebelum mereka mempelajarinya. Persepsi sebelum diukur menggunakan lima pilihan skala jawapan daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap sederhana ( $M=3.29$ ,  $SP=0.233$ ).

**Jadual 1:** Taburan Responden Mengikut Tahap Persepsi Sebelum

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
<b>Persepsi Sebelum</b>			3.29	0.233
Rendah (1.00 – 2.33)	0	0.0		
Sederhana (2.34 – 3.67)	75	92.6		
Tinggi (3.68 – 5.00)	6	7.4		
Jumlah	81	100.0		

SP: Sisihan piawai

### Tahap Persepsi Selepas Mempelajari Bahasa Arab

Bagi persepsi selepas pula, ia merujuk kepada persepsi selepas pelajar mempelajari bahasa Arab program Tahfiz Bestari. Hasil kajian dipaparkan dalam Jadual 2. Dapatan menunjukkan 77.8 peratus atau 63 orang responden merasakan mereka mempunyai tahap persepsi “selepas” yang positif atau tinggi. Manakala seramai 17 orang responden atau 21.0 peratus berpendapat tahap persepsi “selepas” mereka adalah sederhana. Sementara hanya seorang responden merasakan tahap persepsi “selepas” yang rendah. Persepsi “selepas” diukur menggunakan lima pilihan skala jawapan daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”. Hasil kajian mendapati secara purata, skor responden bagi kajian ini berada pada tahap tinggi ( $M=3.90$ ,  $SP=0.510$ ).

**Jadual 2:** Taburan responden mengikut tahap persepsi selepas

	Frekuensi	Peratus	Min	Sisihan Piawai
<b>Persepsi Selepas</b>			3.90	0.510
Rendah (1.00 – 2.33)	1	1.2		
Sederhana (2.34 – 3.67)	17	21.0		
Tinggi (3.68 – 5.00)	63	77.8		
Jumlah	81	100.0		

SP: Sisihan piawai

### Perbandingan Persepsi Sebelum Dan Selepas Mempelajari Bahasa Arab

Ujian-t sampel berpasangan digunakan bagi mengenal pasti perbandingan dua situasi iaitu sebelum dan selepas mempelajari bahasa Arab. Jadual 3 menunjukkan nilai min bagi persepsi “sebelum” dan persepsi “selepas” pelajar Tahfiz Bestari terhadap pembelajaran bahasa Arab. Nilai min bagi persepsi sebelum adalah 3.2901 manakala nilai min bagi persepsi selepas adalah 3.9012. Dapatan ini membuktikan bahawa persepsi pelajar mempunyai peningkatan ke arah yang lebih baik.

**Jadual 3:** Perbandingan Nilai Min Persepsi Sebelum Dan Selepas

	Mean	N	Std. Deviation	Std. Error Mean
Persepsi_Sebelum	3.2901	81	.23324	.02592
Persepsi_Selepas	3.9012	81	.51028	.05670

Jadual 4 menunjukkan nilai signifikan 0.000 iaitu lebih kecil daripada 0.05 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan nilai yang signifikan antara persepsi sebelum dan persepsi selepas. Persepsi selepas menunjukkan nilai min yang lebih tinggi bermakna persepsi yang lebih baik berbanding dengan persepsi sebelum.

**Jadual 4:** Nilai signifikan persespsi

	Paired Differences					t	Sig. (2-tailed)
	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean	95% Confidence Interval of the Difference			
				Lower	Upper		df
Persepsi_Sebelum Persepsi_Selepas	.61111	.57465	.06385	-.73818	-.48404	-9.571	80

Berdasarkan kepada data yang diperoleh, ini membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab boleh berubah dan dipupuk

kearah yang lebih positif. Usaha-usaha untuk meningkatkan persepsi dan tanggapan kearah yang lebih positif harus ditingkatkan agar proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Persepsi ini penting untuk diketahui bagi membantu tenaga pengajar dalam merangka dan memilih pendekatan yang sesuai dan efisien dalam sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran.

## **KESIMPULAN**

Persepsi merupakan satu aspek yang penting dalam pembelajaran. Persepsi individu boleh berubah mengikut pengalaman atau situasi yang dihadapi oleh individu. Justeru, dalam meningkatkan persepsi khususnya dalam pembelajaran bahasa Arab, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing. Dapatan yang dipaparkan membuktikan bahawa persepsi pelajar sebelum mempelajari bahasa Arab berubah menjadi lebih tinggi setelah mereka berada dan mengalami situasi pembelajaran bahasa Arab. Dapatan ini boleh dijadikan sebagai panduan, maklumat dan gambaran awal sebelum berlangsung sesebuah proses pengajaran dan pembelajaran khususnya bahasa Arab. Sekiranya persepsi pelajar tidak dapat dikenal pasti oleh tenaga pengajar, ia boleh membantutkan proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian berkaitan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab yang dikhususkan kepada pelajar tahfiz perlu diteruskan dan diberikan perhatian oleh para pengkaji akan datang kerana para pelajar tahfiz merupakan golongan yang sentiasa mengulang-ulang hafalan al-Quran dan boleh dianggap golongan yang paling hampir dengan ayat al-Quran. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab yang tidak dinafikan mengandungi uslub-uslub kecantikan bahasa yang tidak dapat ditandingi oleh sesiapa sekalipun. Justeru, memahami bahasa Arab bukan sahaja terhad kepada memahami makna ayat semata-mata malah mengetahui uslub-uslub indah yang terkandung di dalam al-Quran.

## **RUJUKAN**

- Ab. Halim Ismail. 2005. Pengajaran bahasa Arab melalui kaedah komunikatif. Dlm. Pendidikan Islam dan Bahasa Arab: Perspektif Pengajian Tinggi, disunting oleh Hassan Basri Awang Mat Dahan, Zawawi Ismail & Mohd Azhar Zailani, 137-162. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Adnan Mat Ali & Muhammad Firdaus Abdul Manaf. 2014. Kekangan Bertutur dalam Bahasa Arab di Kalangan Pelajar BASL. International Research Management and Innovation Conference 2014 Kuala Lumpur 17-18 November 2014.
- Ahmad Muaz Ahmad Othman dan Norazmi Anas. Evolusi Tadbir Urus Tahfiz Swasta di Malaysia. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari. Vol 21(2).
- Ariffin, S. 2012. Kaedah menghafal al-Qur'an di Institusi Tahfiz al-Qur'an di Malaysia: kajian perbandingan di antara kaedah Darul Quran, Jakim dengan kaedah al-Huffaz. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

- Azman Che Mat & Goh Ying Soon. 2010. Situasi pembelajaran bahasa asing di Institut Pengajian Tinggi: Perbandingan antara bahasa Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 2(2): 9-20
- Azmil Hashim, AB. Halim Tamuri, Misnan Jemali & Aderi Che Noh. 2014. Kaedah Pembelajaran Tahfiz dan Hubungannya dengan Pencapaian Hafazan Pelajar. *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah*. Vol 1 (1)
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson.
- Hashim Musa & Halimah Pondo. 2012. *Isu Sociolinguistik di Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailaini. 2004. Kurikulum baru Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi sekolah menengah. *Masalah Pendidikan* 27: 65-74.
- Idris Mansor. 2015. Prosedur Peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan Rihlat Ibnu Battutah: *Kajian Malaysia*. 33 (2): 61-81.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Norasyikin Osman & Siti Salwa Mohd Noor. 2012. Eksplorasi penggunaan Strategi Metafizik ke arah penjajaran tipologi SPB. *Dlm. Dinamika Pendidikan Bahasa Arab: Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*, disunting oleh Kamarul Shukri Mat Teh, Zulazhan Ab Halim, Mohd Shahrizal Nasir & Nurazan Mohmad Rouyan, 115- 127. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Zamri Mahamod. 2009. Strategi Metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama pembelajaran bahasa. *GEMA Online™ Journal of Language Studies* 9(2): 1-13
- Ku Fatahiah binti Ku Azizan, Hanis Najwa binti Shahrudin, Farah Nur-Rashida binti Rosnan, Wazzainab Ismail (2019). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Tahfiz wal Qiraat. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Vol 16 (2).
- Ku Fatahiah, Hanis Najwa, Fraah Nur-Rashida, Wazzainab & Norafidah. 2017. Persepsi Pelajar Tahfidz dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kolej Universiti Islam Selangor*
- Mahyuddin Ashaari. Pendidikan al-Quran Menjana Keupayaan Berfikir. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 9, Bil. 4, November 2001/1422.
- Masyhurah Mohamad Rawi, Harun Baharudin, Maimun Aqsha Lubis & Siti Aisyah Romli. 2015. Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. *Proceeding The 7th International Workshop and Conference of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (Poltan-Ukm-Polimed)* di Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, ms. 10.
- Mohd Fahimi Zakaria dan Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi. Faktor Kecenderungan Minat Pelajar Terhadap Subjek Bahasa Arab: *Kajian Di*

- Management and Science University. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics*. Vo; 4 (4).
- Muhammad Zulazizi Mohd Naw, Mohd Rashidi Omar, Muhammad Amirul Mohd Nor. 2021. Sistem Pendidikan Tahfiz di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa dan Warisan Pendidikan Islam di Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal*. Vol 4 (1).
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Arieff Salleh Rosman dan Mohd Faez Ilias. Pendidikan Tahfiz di Mmalaysia: Satu Sorotan. Conference: International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship At: Resort World Langkawi, Tanjung Malai, Langkawi, Malaysia
- Noor Hisham Md Naw. 2014. Matlamat dan Hala Tuju Sistem Pengajian Tahfiz di Kelantan: Satu Pengamatan Awal. 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education. Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan.
- Nur Afifah Fadzil, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi, Ahmad Nurilakmal Norbit dan Nuraznan Jaafar. 2020. Hubungan Diantara Persepsi dengan Sikap dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Kesidang*. Vol.5 (1).
- Nur Afifah Fadzil, Ahmad Nurilakmal Norbit, Muhammad Dzarif Ahmad Zahidi dan Nuraznan Jaafar. 2020. Persepsi dan Minat Pelajar Tahfiz Bestari Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Ulwan*. Vol.5 (1).
- Surtahman, A. W. 2009. Tuan Guru Hj. Ghazali b. Abdullah: Sumbangan Dalam Penubuhan Pondok Tunjang, Kelantan Dan Penerbitan Majalah Al-Fununia. *Proceeding of Malaysia Conference on Arabic Studies and Islamuc Civilization*, ms. 135-150
- Zainur Rijal Abdul Razak & Rosni Samah. 2007. Kesan bahasa Arab dalam peradaban Melayu di Malaysia. Bandar Baru Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia
- <https://www.irujukan.my/ulul-albab-mrsm-sbp-tmua/> Diakses pada 30 Ogos 2021.
- <http://www.kuim.edu.my/pusatislam/index.php/ketua-pusat-islam-as-syafie-kuim> Diakses pada 30 Ogos 2021.
- <https://smarttahfiz.edu.my/> Diakses pada 30 Ogos 2021